

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah Medical Officer (MO), Pharmacist, Dentist dan Clinical Psychologist yang ditawarkan Kontrak Tetap mengikut negeri dan juga peratusan di setiap negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 31 Oktober 2020, jumlah Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi yang telah dilantik kontrak sejak Disember 2016 adalah seramai 31,574 orang. Pecahan mengikut skim perkhidmatan adalah seperti berikut:

- (i) Pegawai Perubatan melibatkan 21,688 orang;
- (ii) Pegawai Pergigian melibatkan 4,491 orang; dan
- (iii) Pegawai Farmasi melibatkan 5,395 orang.

2. Pegawai yang berjaya dilantik secara tetap adalah merupakan bakat terbaik yang telah melepasi syarat yang ditetapkan berdasarkan merit dan tertakluk kepada bilangan kekosongan jawatan tetap semasa pertimbangan tersebut. Tiada sebarang kuota mengikut negeri yang ditetapkan.

3. Sehingga 31 Oktober 2020, bilangan pegawai yang telah ditawarkan pelantikan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah seperti berikut:

- (i) 789 orang Pegawai Perubatan dengan perincian mengikut negeri serta peratusan adalah seperti berikut:
 - (a) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya – 64 orang (8.11%);
 - (b) Johor – 88 orang (11.15%);
 - (c) Kedah – 107 orang (13.56%);
 - (d) Kelantan – 13 orang (1.64%);
 - (e) Melaka – 57 orang (7.22%);
 - (f) Negeri Sembilan – 37 orang (4.68%);
 - (g) Pahang – 25 orang (3.16%);
 - (h) Perak – 79 orang (10.01%);
 - (i) Perlis – 26 orang (3.29%);
 - (j) P.Pinang – 59 orang (7.47%);
 - (k) Sabah – 30 orang (3.80%);
 - (l) Sarawak – 128 orang (16.22 %);

- (m) Selangor – 46 orang (5.83%); dan
 - (n) Terengganu – 30 orang (3.80%).
- (ii) 477 orang Pegawai Pergigian dengan perincian mengikut negeri serta peratusan adalah seperti berikut:
- (a) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya – 11 orang (2.30%);
 - (b) Wilayah Persekutuan Labuan – 4 orang (0.83%);
 - (c) Johor – 53 orang (11.11%);
 - (d) Kedah – 39 orang (8.17%);
 - (e) Kelantan – 65 orang (13.62%);
 - (f) Melaka – 27 orang (5.66%);
 - (g) Negeri Sembilan – 42 orang (8.80%);
 - (h) Pahang – 16 orang (3.35%);
 - (i) Perak – 28 orang (5.87%);
 - (j) Perlis – 18 orang (3.77%);
 - (k) Pulau Pinang – 25 orang (5.24%);
 - (l) Sabah – 27 orang (5.66%);
 - (m) Sarawak – 10 orang (2.09%);
 - (n) Selangor – 64 orang (13.41%); dan
 - (o) Terengganu – 48 orang (10.06%);.
- (iii) 853 orang Pegawai Farmasi dengan perincian mengikut negeri serta peratusan adalah seperti berikut:
- (a) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya – 69 orang (8.08%);
 - (b) Wilayah Persekutuan Labuan – 4 orang (0.46%);
 - (c) Johor – 55 orang (6.44%);
 - (d) Kedah – 69 orang (8.08%);
 - (e) Kelantan – 38 orang (4.45%);
 - (f) Melaka – 39 orang (4.57%);
 - (g) Negeri Sembilan – 38 orang (4.45%);
 - (h) Pahang – 44 orang (5.15%);
 - (i) Perak – 150 orang (17.58%);
 - (j) Perlis – 20 orang (2.34%);
 - (k) Pulau Pinang – 81 orang (9.49 %);
 - (l) Sabah – 23 orang (2.69%);

- (m) Sarawak – 44 orang (5.15%);
- (n) Selangor – 130 orang (15.24%);
- (o) Terengganu – 40 orang (4.68%); dan
- (p) Instirusi Perubatan – 9 orang (1.05%).

4. Bagi Pegawai Psikologi (Klinikal) pula, setakat ini kesemua mereka ditawarkan pelantikan secara tetap. Sehingga 31 Oktober 2020, terdapat seramai 50 pegawai yang mengisi jawatan Pegawai Psikologi (Klinikal) di KKM dengan perincian mengikut negeri serta peratusan adalah seperti berikut:

- (a) Perlis – 1 orang (2%);
- (b) Kedah – 4 (8%);
- (c) Pulau Pinang – 2 orang (4%);
- (d) Perak – 5 orang (10%);
- (e) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur – 11 orang (22%);
- (f) Selangor – 7 orang (14%);
- (g) Negeri Sembilan – 1 orang (2%);
- (h) Melaka – 1 orang (2%);
- (i) Johor – 6 orang (12%);
- (j) Pahang – 1 orang (2%);
- (k) Terengganu – 2 orang (4%);
- (l) Kelantan – 2 orang (4%);
- (m) Sarawak – 5 orang (10%); dan
- (n) Sabah – 2 orang (4%).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dalam bentuk jadual, statistik pengangguran di Sarawak terutamanya sejak bulan Januari 2020 dan inisiatif Kerajaan yang wujud bagi menangani masalah pengangguran terutamanya di kalangan golongan belia Sarawak disebabkan kesan COVID-9 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Statistik jumlah pencari kerja baharu yang berdaftar dengan portal *JobsMalaysia* dari bulan Januari hingga September 2020 adalah seperti di jadual. Pada keseluruhannya, sejumlah 5,212 orang sedang mencari pekerjaan telah berdaftar dalam portal *JobsMalaysia* dalam tempoh berkenaan. Sejumlah besar mereka adalah dalam peringkat umur di antara 20–24 tahun, iaitu seramai 2,975 orang.

Bilangan Pencari Kerja Baharu di Sarawak, 2020 (Jan-Sep)			
Umur	Bilangan (orang)		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah
15 - 19	292	552	844
20 - 24	962	2,013	2,975
25 - 29	405	588	993
30 - 34	114	127	241
35 - 39	42	50	92
40 - 44	25	18	43
45 - 49	10	7	17
50 - 54	3	1	4
55 - 59	1	1	2
60 - 64	0	1	1
Jumlah	1,854	3,358	5,212

Sumber: JobsMalaysia.gov.my

2. Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Sarawak sentiasa komited dalam usaha untuk merangka strategi dalam membantu mencipta lebih banyak ruang dan peluang pekerjaan kepada para pencari kerja tempatan khususnya penduduk di Sarawak. Pelbagai inisiatif telah dirangka dan diambil bagi membolehkan pencari pekerja di Sarawak mendapat pekerjaan, terutamanya kepada pekerja yang telah hilang pekerjaan dan menganggur

SOALAN NO : 194

sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula sejak 18 Mac 2020.

3. Antara inisiatif terbaharu yang diperkenalkan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak melalui Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan adalah memperkenalkan temuduga terbuka dalam talian (*online*) berdasarkan norma baharu yang dijalankan dengan menggunakan aplikasi *Zoom* sebagai keutamaan, temu duga terbuka melalui panggilan telefon serta temuduga terbuka melalui media sosial lain. Inisiatif ini adalah selaras amalan norma baharu dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) daripada Majlis Keselamatan Negara untuk mengekang penularan wabak Covid-19.

4. JTK Sarawak telah merancang untuk menjalankan program karnival kerjaya setiap bulan di seluruh Negeri Sarawak seperti jadual di bawah. Sejumlah 90 syarikat / majikan telah menyertai program tersebut yang menawarkan 13,863 jawatan untuk semua peringkat pekerjaan. Sepanjang program tersebut, sejumlah 2,010 calon telah hadir temuduga dan seramai 680 pencari kerja telah berjaya mendapatkan pekerjaan.

Program Karnival Kerjaya Anjuran JTK Sarawak, 2020						
Bil	Tarikh	Pejabat Tenaga Kerja	Daerah	Bil. Majikan	Bil. Kekosongan Jawatan	Hadir Temu Duga
1	01.02.2020	Kuching	Lundu	8	342	123
2	16.02.2020	Sri Aman	Sri Aman	9	204	194
3	22.02.2020	Kapit	Kapit	6	170	139
4	07.03.2020	Kota Samarahan	Samarahan	10	465	215
5	15.08.2020	Mukah	Mukah	7	1,327	151
6	29.08.2020	Betong	Betong	8	1,359	339

SOALAN NO : 194

7	05.09.20 20	Bintulu	Bintulu	9	2,688	337
8	11.09.20 20	Kota Samarahan	Sebuyau	3	318	15
9	11.09.20 20	Betong	Pusa	3	1,446	43
10	12.09.20 20	Saratok	Kabong	2	1,044	23
11	13.09.20 20	Sarikei	Sarikei	8	1,257	75
12	15.09.20 20	Sibu	Belawai	4	1,267	119
13	26.09.20 20	Sri Aman	Simanggan g	13	1,976	237
Jumlah				90	13,863	2,010

Sumber: Jabatan Tenaga Kerja Sarawak

5. JTK Sarawak juga menggalakkan pencari kerja untuk berdaftar secara dalam talian (*online*) di portal *MyFutureJobs* di bawah Program Penjana Kerjaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Para pencari kerja dapat mengakses portal ini pada bila-bila masa di mana-mana sahaja.

Sekian, terima kasih.